

# Negeri Sembilan tidak cadang bubarkan DUN

**SEREMBAN** – Kerajaan Pakatan Harapan (PH) Negeri Sembilan tidak bercadang untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum bulan Mac tahun depan jika Parlimen dibubarkan dan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) diadakan dalam masa terdekat.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, beliau akan membawa pandangan itu kepada Majlis Presiden PH untuk diputuskan.

“Saya mencadangkan pilihan raya negeri diadakan tahun hadapan dan akan memaklumkan kepada Majlis Presiden PH untuk menentukannya.

“Jika diadakan pada bulan Mei atau sehingga habis penggal pun tiada masalah kan?” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2022 peringkat negeri di Padang Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di sini semalam.

Terdahulu media melaporkan, Setiausaha Agung Pas., Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, kerajaan Pas yang menerajui Kedah, Kelantan dan Terengganu tidak akan membubarkan DUN lebih awal dari Mac tahun depan.

Beliau memaklumkan, keputusan itu hasil Mesyuarat Jawatankuasa Harian yang diadakan kelmarin.

Aminuddin yang juga Naib Presiden PKR menambah, terpulang kepada Majlis Presiden



**AMINUDDIN** ketika mengetuai bacaan ikrar Rukun Negara pada Sambutan Hari Kebangsaan 2022 peringkat negeri di Padang MBS, Seremban semalam.

PH untuk menentukan bilakah waktunya sesuai untuk tiga negeri di bawah gabungan parti itu iaitu Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang untuk membubarkan DUN mereka.

“Saya melihat, rakyat tengah susah dan mereka masih memerlukan perhatian daripada kerajaan.

“Sepatutnya kerajaan menumpukan perhatian untuk

membantu dan memberikan sokongan kepada rakyat selain memulihkan semula ekonomi daripada mengutamakan PRU-15, yang pastinya menelan belanja besar,” katanya.